



## Siaran Akhbar

### AKTIVITI OUTREACH AMBD (2)

**Hari Rabu, 26 Safar 1439 bersamaan dengan 15 November 2017**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, telah mengadakan aktiviti *outreach* di Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya Sengkarai, Tutong pada hari Rabu, 26 Safar 1439 bersamaan dengan 15 November 2017.
2. Activity ini diadakan sebagai kesinambungan kepada Majlis Pengedaran Duit Syiling Bagi Edaran Siri Ke-5 dengan Denominasi 50 Sen kepada Para Penuntut Sekolah-Sekolah Pra, Rendah, Menengah dan Pusat-Pusat Tingkatan Enam di Negara Brunei Darussalam yang telah diadakan di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa pada hari Isnin, 24 Safar 1439H bersamaan dengan 13hb November 2017M sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.
3. Tetamu Kehormat pada aktiviti *outreach* tersebut ialah Yang Mulia Hjh Nuralia Binti Hj Abd Rahim, Pengarah Eksekutif, AMBD. Turut hadir pada aktiviti tersebut ialah pegawai-pegawai kanan daripada Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya Sengkarai dan pegawai-pegawai kanan AMBD.
4. Tujuan aktiviti *outreach* ini adalah untuk memberi gakan dan mengenalkan kepada penuntut-penuntut mengenai duit syiling dalam edaran siri ke-5 yang telah dikeluarkan sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Menaiki Takhta. Di samping itu, *aktiviti outreach* ini juga diharap akan dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menabung, berdikari dari segi kewangan (*financial independence*) dan seterusnya untuk meningkatkan kesedaran para penuntut mengenai cara-cara untuk menangani isu-isu kewangan.
5. Penuntut-penuntut daripada Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya Sengkarai telah ikut serta dalam permainan-permainan dan aktiviti-aktiviti interaktif yang bertemakan pengenalan matawang dan pengurusan kewangan.
6. “Saya telah memenangi duit syiling kenang-kenangan yang akan saya simpan untuk kenang-kenangan,” kata Mohd Syazuk Redzuan bin Ardy Iswandy, seorang murid di sekolah tersebut.
7. Seorang lagi murid Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya Sengkarai, Hasya Farahiyah binti Aliuddin mengatakan bahawa dia telah mempelajari bahawa duit syiling satu sen adalah lebih

besar dari duit syiling lima sen, iaitu sesuatu fakta yang tidak diketahuinya sebelum ini. Dia berterima kasih kepada AMBD kerana datang ke sekolahnya.

8. Akhirnya, Mohammad Nur Aaron Shamim bin Haji Md Shukri berterima kasih kerana AMBD datang dengan permainan-permainan yang interaktif, terutamanya selepas berkerja keras untuk peperiksaan akhir tahun mereka.
9. Aktiviti *outreach* ini adalah merupakan *outreach* pertama daripada siri aktiviti *outreach* dan akan terus diadakan di Daerah Temburong pada 16 November 2017, dan di Daerah Belait pada 20 November 2017.
10. Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti-aktiviti *outreach* ini, orang ramai boleh melayari laman web AMBD di [www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn), atau memuat turun AMBD App dari ‘App Store’ atau ‘Google Playstore’; atau mengikuti AMBD di Instagram melalui @autoriti\_monetari.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Rujukan: AMBD/COMMS/3

Tarikh: 26 Safar 1439H/ 15 November 2017M